



**PERBADANAN LABUAN**  
**PETI SURAT 81245**  
**87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan**, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

<b>1.0 JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM (MySTEP) TAHUN 2023</b>
<b>GRED</b>	<b>:</b>	29
<b>PENDIDIKAN</b>	<b>:</b>	Diploma Kejuruteraan Awam / Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan / Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan / Diploma Bangunan
<b>GAJI</b>	<b>:</b>	RM1900.00
<b>TEMPOH PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	*Mulai Tarikh lapor diri sehingga <b>tidak kurang daripada sebulan dan tidak melebihi 12 bulan</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>:</b>	1
<b>PENEMPATAN</b>	<b>:</b>	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

**2.0 SYARAT LANTIKAN / KRITERIA CALON**

- A. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- i) Warganegara Malaysia
  - ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - iii) **Diploma dalam bidang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;**
  - iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - v) Boleh bekerja di bawah pengawasan minimum dan menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan
  - vi) Mempunyai kemahiran dalam bidang menganalisa data / maklumat adalah satu kelebihan
  - vii) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan adalah diutamakan

### 3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat Bawah Blok A, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my);
- ii. **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan seperti berikut:**
  - a. **Sekeping gambar (ukuran passport) terkini;**
  - b. **Salinan kad pengenalan;**
  - c. **Sijil lahir pemohon; (pemohon dan Ibubapa)**
  - d. **Sijil-sijil persekolahan dan kelulusan akademik; (PT3/PMR/SPM)**
  - e. **Sijil berhenti sekolah; dan**
  - f. **Sijil kegiatan luar dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.**  
**(semua salinan dokumen yang dinyatakan di atas perlu disahkan dari salinan asal oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 dan ke atas atau pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pendidikan untuk sijil-sijil berkaitan)**
- iii. Pemohon hendaklah bebas daripada apa-apa rekod jenayah, tidak menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya serta tiada masalah penyakit kronik yang boleh menjejaskan prestasi kerja;
- iv. Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (ii) dan (iii) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak; dan
- v. Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.

#### PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
WISMA PERBADANAN LABUAN  
TINGKAT BAWAH BLOK A  
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Bil. Fail Rujukan : PL/PSM/500-9/3  
No. Talian Perhubungan : 087 – 581817, 581815, 581816  
Sebelum atau pada : **25 OGOS 2023**

#### CATITAN

1. Hanya calon yang disenarai pendek akan dijemput hadir ke sesi temu duga.
2. Sekiranya pemohon yang tidak menerima panggilan untuk sesi temuduga selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan ditutup, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
3. Sekiranya pemohon yang dijemput hadir temuduga tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan daripada tarikh temuduga diadakan, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
4. Perbadanan Labuan boleh melanjutkan tempoh validasi borang permohonan sehingga tempoh yang ditetapkan.